

24 JUN 1998

Mahathir-Daim

PELANTIKAN DAIM DAPAT JELASKAN KEPUTUSAN MTEN, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas adalah antara lain supaya beliau dapat menjelaskan kepada Kabinet mengenai segala keputusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Banyak keputusan dan penyelidikan MTEN yang dibentangkan dalam Kabinet perlu penjelasan dan dia sebagai menteri boleh memberikan penjelasan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas meraikan kakitangan ibu pejabat Umno sempena Perhimpunan Agung Umno minggu lepas di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Menjawab soalan, beliau juga berkata tugas Daim tidak akan bertindih dengan kementerian lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Daim ialah Pengarah Eksekutif MTEN, badan yang ditubuhkan khusus bagi menangani krisis ekonomi Disember lepas.

Pelantikan Daim sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berhubung dengan perkara-perkara pembangunan ekonomi diumumkan dalam satu kenyataan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Dr Mahathir berkata tugas-tugas Daim akan tertumpu kepada masalah kegawatan ekonomi dan tidak akan bertindih dengan peranan serta tugas kementerian-kementerian berkenaan termasuk peranan beliau dalam soal-soal ekonomi lain.

Beliau berkata pelantikan Daim juga adalah untuk memudahkan tugas-tugas beliau ketika berada di luar negara seperti berjumpa dan berurusan dengan para menteri.

"Sebagai Pengarah Eksekutif MTEN, kita mendapati bahawa dia susah untuk menjalankan tugas kerana kalau kita menghantar dia ke luar negeri, dia tak dapat berjumpa dengan menteri, boleh berjumpa dengan pegawai sahaja kerana dia tidak bertaraf menteri," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya apakah tugas utama Daim, Dr Mahathir berkata: "Special functions (tugas-tugas khas) berkenaan masalah-masalah ekonomi secara menyeluruh."

Perdana Menteri juga berkata Daim akan mempunyai kakitangan dan kementeriannya sendiri di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum itu dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata Perhimpunan Agung Umno yang lepas telah berjalan dengan baik tanpa sebarang perkara yang tidak diingini.

"Walaupun ada desas-desus sebelum Perhimpunan Agung Umno akan ada kucar kacir dan sebagainya, tetapi tidak begitu. Semua berjalan dengan tertib," kata beliau.

Beliau berkata ibu pejabat telah membuat persiapan yang rapi sehingga tidak wujud keadaan "huru-hara".

Beliau juga berterima kasih kepada semua kakitangan ibu pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra, kumpulan koir, polis dan media massa kerana melakukan tugas mereka dengan cekap.

Yang hadir pada majlis itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

-- BERNAMA

ES FAZ